☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 5/4/2012
Hari: KHAMIS M/S: H 8
Ruangan: HTP

Cita-cita besar Shake

Konsert mega seluruh negara, rakam lagu bahasa Melayu

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bharian.com.my

MENINGGALKAN tanah air berpuluh tahun lamanya, kepulangan Datuk Shake yang menetap di Perancis sebelum ini penuh bermakna. Walaupun hanya sementara saja sehingga hujung Mei ini, banyak agenda seni dan hasrat hati yang mahu dikongsi bersama peminatnya.

Penyanyi ini mula mencipta nama sebagai penyanyi di Paris, Perancis pada awal tahun 1980-an.

Bagaimanapun pada 1986 beliau berhijrah bersama-sama keluarganya ke Los Angeles, Amerika Syarikat selama 22 tahun.

"Saya sudah tinggal di Paris dan Los Angeles sejak tahun 70-an lagi dan sudah selesa kerana anak dan cucu ada di sana. Kepulangan saya kali ini mengimbau kembali kenangan lama ketika berada di Johor.

"Teringat sekolah lama dan kegiatan masa lampau di bandar itu. Banyak yang sudah berubah dan ada tempat yang dulu ada, tetapi kini sudah tiada.

"Kepulangan saya kini juga adalah demi mengubat kerinduan peminat yang mahukan saya mengadakan konsert," kata pemilik nama asal Sheikh Abdullah Ahmad Bakhbereh yang ditemui pada Majlis Setiausaha anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Kata bapa kepada empat anak dan lima cucu ini, beliau berhasrat mengadakan konsert di seluruh Malaysia dalam masa terdekat dan mahu menyanyikan lagu lamanya seperti *Lina, Anugerah Dari Kegagalan, Umi* serta lagu Perancis bagi menghiburkan peminat.

"Saya mahu adakan konsert besar-besaran di negara ini. Mungkin dalam bulan Oktober ini.

"Kalau diizinkan, konsert itu akan menjelajah negara seperti Brunei. Selain negara ini, saya juga ada perancangan untuk mengadakan konsert di seluruh Eropah," katanya yang mahu tampil dengan album baru dalam versi Melayu.

Penyanyi berusia 62 tahun ini berkata, antara sebab mahu melahirkan album terbaharu kerana mahu mengotakan impian peminat selain mahu menampilkan lagu versi Melayu dengan lebih banyak sebagai koleksi seninya dan tidak kisah menggunakan komposer tempatan asalkan lagunya baik.

"Saya mahu aktif dalam menghasilkan koleksi diri supaya ada rujukan untuk profil diri saya nanti. Oleh itu, saya mahu membabitkan diri dalam televisyen mahupun radio. Saya akui ramai yang kenal lagu saya, tetapi tidak orangnya," katanya.

Berkongsi pendapat berkenaan lirik dan lagu yang mengisi industri seni muzik kini, beliau melihat ada sesetengah lagu yang kurang mempunyai makna dan kadangkala maksudnya tidak dapat difahami langsung.

"Saya tidak mengatakan semua lagu, tetapi apabila pulang ke negara ini, saya ada mendengar beberapa buah lagu dan tidak faham apa yang mahu disampaikan dalam liriknya.

"Lagu yang baik dan diingati selalunya mempunyai mesej dan makna mendalam. Itu antara sebab kenapa lagu lama lebih diingati dan segar sepanjang zaman. Saya lihat sebutan Melayu juga tidak betul dan tidak jelas apabila ia dinyanyikan.

"Walaupun sudah lama tinggal di luar negara, saya masih boleh berbahasa Inggeris dengan baik. Lihat saja Jamal Abdillah, dia penyanyi yang hebat dan antara sebabnya adalah kerana dia adalah penyanyi yang menyebut sebutan Melayu dalam lirik nyanyiannya dengan jelas dan asli," katanya.

> *"Saya mahu aktif dalam menghasilkan koleksi diri supaya ada rujukan untuk profil diri saya nanti. Oleh itu, saya mahu membabitkan diri dalam televisyen mahupun radio. Saya akui ramai yang kenal lagu saya, tetapi tidak orangnya"*
>
> **Shake**
> *Penyanyi*

SUHAIMI MOHD HANIF | BERITA HARIAN